

Rujukan : UKM.KPD.BKW.400-3/5/1

Tarikh : 15 Februari 2022

Semua Pelajar Tempatan Program Prasisiwazah dan Pascasiwazah Ambilan UKMShape

Saudara/i,

PENGURANGAN YURAN PENGAJIAN SEBANYAK 5% BAGI SEMESTER 1 SESI 2021/2022
AKIBAT WABAK COVID-19

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.


2. Dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar ambilan UKMShape adalah tidak tertakluk kepada pengurangan yuran pengajian sebanyak 20% seperti yang telah dimaklumkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Ini adalah kerana pengurangan yuran pengajian berkenaan adalah dianjurkan kepada pelajar arus perdana sahaja.

3. Sebarang pengurangan yuran pengajian pelajar ambilan UKMShape juga adalah tertakluk kepada Pengurusan Tertinggi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Sehubungan itu, pihak Universiti melalui Mesyuarat Jawatan Kuasa Tetap Kewangan telah meluluskan untuk memberikan pengurangan yuran pengajian sebanyak 5% kepada pelajar ambilan UKMShape (sekiranya berkenaan).

4. Tindakan pelarasan bagi pengurangan yuran berkenaan telah diambil oleh Bahagian Kewangan secara berperingkat. Oleh itu, sebarang isu mengenai isu mengenai pengurangan yuran pengajian berkenaan boleh diajukan kepada Bahagian Kewangan UKMShape.

Sekian untuk perhatian saudara/i.

Yang benar,


PROF. DATUK DR. MUHAMMAD BIN HUSSIN
Pegarah



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 01100

PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4073 Faks: +603-8925 1391 E-mel: pghkmbgn@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/ukmshape